

NO. SOALAN : 366

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]

SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah lantikan kontrak serta jumlah emolumen bagi pegawai-pegawai Unit Perlaksanaan dan Pengurusan Prestasi (PEMANDU) semenjak ia ditubuhkan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI IDRIS JALA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti yang sedia maklum, PEMANDU merupakan sebuah unit di bawah Jabatan Perdana Menteri yang merangkumi para penjawat awam, para pegawai dari syarikat berkaitan kerajaan (GLCs), para profesional korporat dan swasta, yang dilantik melalui satu proses pengiklanan, pemilihan dan temuduga berdasarkan kajian kes yang rapi dan teliti. Pemilihan akhir seseorang pegawai adalah berdasarkan merit. Proses ini adalah untuk menjamin para penjawat PEMANDU mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang berkaitan serta sikap, dedikasi dan ketekunan yang positif. Bersesuaian dengan tugas sebagai jentera untuk menjana, melaksana dan memantau GTP dan ETP dengan mengutamakan pengurusan prestasi, maka para penjawatnya mestilah berprestasi tinggi.

Unit PEMANDU telah diperuntukkan sebanyak 123 waran disamping peruntukkan waran di Pejabat Menteri, Senator Dato' Sri Idris Jala adalah sebanyak 12. Sejak ia ditubuhkan, tiada penambahan waran dan keseluruhan waran adalah kekal pada jumlah 135,

malah keseluruhan waran ini telah diisi sepenuhnya oleh para penjawat awam, para pegawai dari syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) dan para profesional korporat dan swasta.

Sedia maklum, Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) terdiri daripada 7 bidang utama dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) terdiri daripada 12 bidang utama manakala Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) terdiri dari 6 bidang utama. Keseluruhan 24 bidang-bidang utama ini diketuai seramai 15 orang Pengarah-pengarah yang berpengalaman dan mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang masing-masing samaada dari sektor awam, syarikat multinasional, syarikat-berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor korporat serta swasta.

Pengarah-pengarah ini disokong oleh seramai 87 orang pegawai-pegawai dari kategori profesional yang terdiri daripada Timbalan Pengarah, Pengurus dan Penganalisa, manakala 33 orang adalah daripada kumpulan sokongan.

Gaji pegawai-pegawai PEMANDU adalah berdasarkan skala gaji JPA dengan tambahan '*premium*' sebanyak 15 sehingga 20 peratus ke atasnya, oleh sebab struktur PEMANDU yang bersifat jangka pendek dan sebahagian dari pegawai-pegawai ini merupakan golongan profesional yang pernah berkhidmat di syarikat-syarikat multinasional dan sektor korporat serta swasta di mana emolumen sedia ada adalah selaras dengan amalan pasaran. Pegawai-pegawai di PEMANDU tidak diperuntukkan sebarang elauan mahupun faedah-faedah tetap. Justeru itu, pegawai-pegawai di PEMANDU diupah secara kontrak jangka pendek selama dua atau tiga tahun sahaja untuk setiap kontrak yang membawa kepada risiko jaminan perkerjaan yang tinggi.

Sekian, terima kasih.